

Tiru kartel Mexico

7 Mei 2018

Tiru kartel Mexico

■ Geng Ah Tee tanam dadah RM4.8 juta di dalam dinding

FOTO: KHAIRUL AZHAR AHMAD

Teoh Pei Ying dan Nurul Hidayah Bahaudin
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Sindiket kartel dadah Mexico sering mengamalkan taktik popular dengan menyembunyikan dadah di dalam tembok atau menanamnya di lantai kediaman.

Taktik sama diguna pakai kumpulan penjenayah Geng Ah Tee Jinjang yang dikesan menanam dadah bernilai RM4.8 juta di dalam dinding rumah yang disewa di Bukit Idaman, Batu Caves, Selangor di sini.

Muslihat itu bagaimanapun terbongkar apabila dadah jenis methamphetamine seberat 96.7 kilogram itu berjaya dirampas polis, Khamis lalu.

Rahsia itu didedahkan selepas polis menahan seorang wanita bersama tiga lelaki di sebuah hotel di Jalan Pasar Baharu di sini, kira-kira jam 7 malam, Rabu lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, semua suspek berusia antara 36 dan 53 tahun itu ditahan bersama sepeket dadah jenis methamphetamine di hotel berkenaan.

"Hasil soal siasat terhadap wanita tempatan berusia 36 tahun itu membawa kepada penemuan 96.7 kilogram dadah methamphetamine yang disembunyikan di dalam dinding makmal dadah bawah tanah yang dibina sindiket terabit di rumah sewa berkenaan jam 8.30 malam, Khamis lalu.

"Dadah itu dipercayai dihasilkan di rumah sama yang dijadikan sebagai makmal memproses dadah untuk pasaran di sekitar Lembah Klang," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur di sini, semalam.


Harian Metro sebelum ini melaporkan polis menahan lima individu berusia 30 hingga 52 tahun termasuk ketua Geng Ah Tee Jinjang di rumah sewa itu yang dijadikan makmal memproses dadah selain me-



MAZLAN (tengah) bersama pegawainya menunjukkan dadah jenis methamphetamine seberat 96.7kg dengan nilai RM4.8 juta yang berjaya dirampas.

DADAH DALAM DINDING

- 1 Pihak polis menyerbu sebuah rumah teres di Bukit Idaman, Batu Caves, Selangor yang disewa dipercayai dijadikan makmal memproses dadah oleh kumpulan sindiket dadah Ah Tee Jinjang.
- 2 Rumah tersebut diubah suai dengan penambahan ruang bawah tanah sebagai makmal dadah manakala dadah jenis methamphetamine seberat 96.7kg berjumlah RM4.8juta ditemui di dalam dinding.



rampas lebih 17 kilogram dadah methamphetamine bernilai RM1.26 juta pada 30 Mac lalu.

Mazlan berkata, pemeriksaan pihaknya sebelum ini tidak menemui dadah berkenaan yang disembunyikan di sebalik dinding berkeluasan empat kaki (lebar), dua kaki (dalam) dan 10 kaki (tinggi).

"Kami terpaksa memecah dinding rumah terabit sebelum menemui da-

dah berkenaan.

"Kami percaya saki-baki ahli kumpulan ini merancang untuk mendapatkan semula dadah berkenaan dengan mencero boh rumah sewa terabit yang disita polis selepas serbuan pertama," katanya.

Beliau berkata, semakan mendapati wanita berkenaan mempunyai rekod jenayah lampau membabitkan kesalahan dadah.

"Selain itu, seorang da-

ripada tiga lelaki yang ditahan dalam serbuan terabit mempunyai rekod jenayah berkaitan samun dan dadah.

"Keempat-empat suspek didapati positif dadah methamphetamine. Mereka direman selama lima hari bermula Rabu lalu hingga hari ini dan akan disambung bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39 B dan Seksyen 39 A (1) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Taksa Grafik

GRAFIK HARIAN METRO: FAHMY HASHIM